

Personal Data Processing Statement

This Personal Data Processing Statement (“**PDPS**”) is prepared in accordance with the requirements of the Personal Data Protection Act 2010 Malaysia as may be amended or revised from time to time (the “**Act**”) and the related General Code of Practice of Personal Data Protection issued by the Personal Data Protection Commission. This PDPS sets out the policies and procedures of Lingkaran Cekap Sdn. Bhd. (Registration No. 202001028343 (1384663-M)) (the “**Company**”) with regard to (1) your Personal Data (as defined below), (2) source of your Personal Data, (3) your consent, (4) purposes of using and/or Processing (as defined below) of your Personal Data, (5) disclosure of Personal Data, and (6) your rights under the Act.

Although it is our intention to provide adequate information concerning our policy relating to Personal Data, this PDPS may not provide an exhaustive list of all situations or circumstances relating to Personal Data. As such, you may contact us should you need further clarification.

1. Definition

- 1.1 “**Authorised Personnel**” means the consultants, advisors, suppliers, service providers, agents, independent contractors, third party supplying data processing services, employees and/or staff of the Company that are and/or may be engaged by the Company from time to time to undertake, discharge, carry out and perform any of the purposes set out in Paragraph 4 herein, either wholly or partially. For clarification purpose, the Authorised Personnel shall include entities incorporated under the law of Malaysia or any other jurisdictions.
- 1.2 “**Personal Data**” means any information in respect of commercial transactions which is being processed and recorded that relates directly or indirectly to a Data Subject, who is identified or identifiable from that information. This includes any Sensitive Personal Data and expression of opinion about the Data Subject but does not include any information that is processed for the purpose of a credit reporting business carried on by a credit reporting agency under the Credit Reporting Agencies Act 2010.
- 1.3 “**Sensitive Personal Data**” means any Personal Data consisting of information as to your physical or mental health or condition, political opinions, religious beliefs or other beliefs of a similar nature, biometric data, the commission or alleged commission of criminal offences, or any other Personal Data as may be determined by the Minister (as defined in the Act).
- 1.4 For clarification purpose, by you providing and/or making available the documents or information to the Company that contained the Personal Data of other individual(s), you agree and confirm that you have informed such other individual(s) of this PDPS and obtained their prior consent for the Company to collect, process, keep and use their Personal Data in accordance with this PDPS and you shall indemnify and keep the Company fully harmless against any claims or demands from that other individual(s) in connection to the collection, processing, keeping and usage of their Personal Data by the Company.

2. Types and Source of Personal Data (including sensitive personal data)

- 2.1 The Company will and may collect and obtain your Personal Data when you provide your Personal Data to the Company and/or the Company’s parent company, holding company, subsidiaries, related companies and/or associates (collectively known as the “**Group**”) in any way or manner

including pursuant to any transactions and/or inquiries made with the Group or upon request from the Group.

2.2 The Company may collect Personal Data from the following sources:

- (a) Information that you have provided to the Company in application forms and/ or other forms including but not limited to your name, identity card number, address, e-mail address, telephone number, vehicle information and such other information required for us to process your application or any transactions you may have with us;
- (b) Information or data derived/obtained from any documents or information provided by you including but not limited to vehicle ownership certificate, sale and purchase agreement, tenancy agreement and/or any other statutory forms provided by you in conjunction with your application/ transaction with us;
- (c) Information derived from any transactions you may have with us;
- (d) Information provided by from any governmental agencies, regulatory bodies, statutory authorities or court;
- (e) Information obtained from your access to the Company's website (e.g. IP address and cookies);
- (f) Recorded footage from CCTV installed at our property or images (including photographs), video and/or audio recordings taken by us at our property for the purposes of ensuring security and prevention of crime;
- (g) Publicly available information.

2.3 The Company may also Process your Personal Data which are provided or made available by any third parties, regulatory and law enforcement authorities for such purposes that are relevant at the material time, including but not limited to delivery of the Company's services (*for example, conducting appropriate checks and risk assessments to facilitate the provision of any services and facilities that are or may be offered by the Company*), performance of conditions of agreements and/or to comply with the Company's standard operating procedures, legal and/or regulatory obligations.

3. Your Consent and Consent of Guardian (as hereinafter defined)

3.1 Your consent and/or agreement for the Company to Process your Personal Data (including sensitive personal data defined under the Act) in accordance with this PDPS (including transferring of Personal Data to any jurisdictions other than Malaysia) is given:

- (a) upon receipt of your express consent, either in writing or verbal or in such manner permitted under the Act;
- (b) if you voluntarily provide your Personal Data to the Company;
- (c) If you do not object to the Processing of your Personal Data.

3.2 By providing the Personal Data to the Company in whatever manners and/or for whatever purposes and/or you continue to utilise, enjoy or use the services and/or facilities that are or may be provided by the Company and/or you continue your relationship with the Company, and until you notify the Company of your intention to limit the right for the Company to Process your

Personal Data or to withdraw your consent as set out herein, it is considered you have read, understood, consented and agreed for the Company to Processing and/or to continue Processing your Personal Data.

- 3.3 The Company does not collect Personal Data of children below the age of 18 years old without consent from his/her parent, guardian or person who has parental responsibility on the said child (collectively referred to as “**Guardian**”). If the Company discovers that Personal Data of a child below 18 years old were collected for whatever reasons and/or via any channels without the requisite consent from any of his/her Guardian being recorded, the Company will contact the child’s Guardian and/or take such steps as the Company may deem fit to obtain the requisite consent; and failing which, to remove that child’s Personal Data from the Company’s record or database within a reasonable time.

4. Purposes of Processing

- 4.1 The Company may Process your Personal Data for any one or more of the purposes listed below (collectively known as “**Purposes**”):-

- (a) To process your application/form;
- (b) To provide you with any related information that you may have requested or of interest from time to time;
- (c) To maintain road charge exemption registration;
- (d) To maintain customer service database and for provision of any customer services;
- (e) For research purposes including historical and statistical record keeping;
- (f) To investigate complaints and offences;
- (g) To communicate with you;
- (h) To respond to questions and comments from you by the Company;
- (i) For administrative purposes;
- (j) To notify you of any changes to our services which may affect you;
- (k) Subject to Paragraph 7 herein, for direct marketing purposes;
- (l) Other purposes which the Company may reasonably deem fit and/or other purposes that may be set out in the document(s) that are related or relevant to you;
- (m) For investigating any incident that may occur, handling related claims and reporting the matter to the relevant authorities, including the police where necessary;
- (n) For fraud prevention, crime detection and investigation;
- (o) To meet legal and statutory requirements;

- (p) For the Company to comply with and/or discharge obligations required under the law, applicable guidelines, rules or rullings within and/or outside Malaysia, including but not limited to the Road Transport Act 1987;
 - (q) For such other purposes as may be required or permitted by laws within and outside Malaysia, including laws relating to evidence.
- 4.2 Provision of the Personal Data for the purposes listed in Paragraph 4.1 (a) to (l) above is voluntary and optional. However, failure to provide the requested Personal Data (either wholly or partially) or your withdrawal of your consent for us to use any of your Personal Data, depending on the nature of your request or requirement may result in the Company being unable (a) to process the relevant application/form; (b) unable to provide all or part(s) of the services as described above or any other new services that the Company is providing to you in a continuous manner; and/or (c) unable to provide any of the services that may be offered by the Company from time to time; and/or (d) required to discontinue, cancel, withdraw and/or terminate the provision of the services without prior notice.
- 4.3 Provision of the Personal Data for the purposes listed in Paragraph 4.1 (m), (n), (o), (p) and (q) above is mandatory and your failure or refusal to provide Personal Data for these purposes may constitute an offence under the law and may result in the Company (a) immediately discontinue their business relationship with you and/or (b) terminate the provision or supply of the services without prior notice.

5. Disclosure of Personal Data

- 5.1 For purposes as described herein and to facilitate the provision of the services to you, the Company may share with and/or transfer the Personal Data to:-
- (a) the other entities within the Group;
 - (b) the Authorised Personnel;
 - (c) such other entity or person who shall be under a duty of confidentiality to the Company and who has undertaken to keep such data as confidential data;
 - (d) any actual or proposed assignee, transferee, nominee, participant or sub-participant of the Company's that may be created pursuant to any transactions, deals, contracts and/or agreements that may be entered by the Company from time to time (either in writing or not);
 - (e) regulatory and government authorities (including but not limited to the Road Transport Department Malaysia (JPJ)).
- 5.2 The Company may also share your Personal Data where disclosure is necessary to comply with applicable laws, legal processes or queries from the relevant authorities and/or the court.

6. Transfer, Process and/or Storage of Personal Data in Other Jurisdiction(s)

- 6.1 Your Personal Data may be transferred to, stored in, and/or Processed in any jurisdiction(s) other

than Malaysia by the Company and/or the Authorised Personnel for purposes stipulated in Paragraph 4 herein.

6.2 Subject to Paragraph 4.2 and Paragraph 4.3 herein, you may request to limit the Processing of your Personal Data in jurisdiction outside of Malaysia.

7. Rights to Limit Processing and Right to Prevent Processing for Direct Marketing

7.1 Subject to Paragraph 4.2 and Paragraph 4.3 herein, if you:

- (a) wish to change and/or limit the manner in which the Company is permitted to Process your Personal Data as described herein; and
- (b) withdraw your consent for the Company to Process your Personal Data as described herein;
- (c) do not wish to receive any marketing communications from the Company and/or the Group; or
- (d) wish for the Company and/or the Group to stop Processing your Personal Data for marketing purposes or any direct marketing purposes;

you may submit a request in writing to the address or email address stated in Paragraph 11 below.

8. Integrity, Access, Correction of Personal Data and Data Portability

8.1 The Company will take steps to ensure your Personal Data is Processed in accordance with the details that have or may be provided, updated, amended and/or corrected by you from time to time.

8.2 You may request to access, make any correction to the Personal Data and/or request for transmission of such Personal Data so requested to another organisation in a compatible suitable machine-readable form by submitting a request in writing to the Company to the address stated in Paragraph 11 below.

8.3 In respect of your right to access, correct, update to your Personal Data and/or request for transmission of such Personal Data so requested to another organisation, the Company has the right to: -

- (a) refuse your request to access, correct, update to your Personal Data and/or request for transmission of such Personal Data so requested to another organisation in the manner and to the extent provided in the Act, such as where expense of such request is disproportionate to the risks to your privacy, or where the rights of others may also be violated, amongst other reasons;
- (b) refuse your request to access, correct, update to your Personal Data and/or request for transmission of such Personal Data so requested to another organisation as permitted under the Act, including where your Personal Data is being Processed by the Company in order to discharge regulatory functions and providing you access and/or the right to correct and/or update to your Personal Data and/or request for transmission of such

Personal Data so requested to another organisation is likely to prejudice proper discharge of those functions by the Company;

- (c) charge a fee as may be allowed under the Act for processing of your request to access your Personal Data; and
- (d) notwithstanding that access is granted to you or any correction/updating of your Personal Data and/or transmission of such Personal Data so requested to another organisation is performed, this PDPS shall remain valid and effective at all times.

8.4 The Company will take steps to ensure your Personal Data is processed in accordance with the data portability principal set out under the Act.

9. Security of the Personal Data

Controls, measures and steps are taken by the Company in protecting the Personal Data that are Processed by the Company and/or the Authorised Personnel (including transfer of Personal Data out of Malaysia) of which such controls, measures and steps are subject to review from time to time.

10. Retention of Personal Data

The Company may retain your Personal Data as needed to fulfil the Purposes stated in this Statement. The Company may also retain your Personal Data if the Company have a legal or business purpose to do so.

11. Enquiries and Contact

Subject to the provisions of the Act, you may request to (1) limit the Processing of your Personal Data; (2) withdraw your consent for the Process of your Personal Data; (3) access, correct, update of your Personal Data and/or request for transmission of your Personal Data to another organisation; or (4) make any inquiries or complaints in relation to the Processing of your Personal Data by contacting the following personnel:-

General Manager of Operation and Road Charge Department

Lingkarank Cepak Sdn. Bhd.

Address: 8th Floor Wisma Genting, Jalan Sultan Ismail, 50250, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel. No.: +603-61052588

E-mail: enquiries@lingkarancekap.com

Updated and take effect from **13 March 2026**

ADDITIONAL CONDITIONS:

- (1) The Company reserves the right to revise this PDPS from time to time and you shall be deemed to have agreed to such revision(s) if you continue your relationship with the Company and/or you continue to enjoy the services and/or facilities that are or may be provided by the Company.

- (2) In case of discrepancies between the English version and other translated versions of this PDPS, the English version shall apply and prevail.

Penyata Pemprosesan Data Peribadi

Penyata Pemprosesan Data Peribadi (“**PPDP**”) ini disediakan mengikut peruntukan yang termaktub dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia sebagaimana yang dipinda atau disemak dari semasa ke semasa. (“**Akta**”) dan Tataamalan Umum Perlindungan Data Peribadi yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. PPDP menetapkan polisi dan prosedur Lingkaran Cepak Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran 202001028343 (1384663-M)) (“**Syarikat**”) berkenaan dengan (1) Data Peribadi anda (seperti yang ditakrifkan di bawah), (2) sumber Data Peribadi anda, (3) persetujuan anda, (4) tujuan penggunaan dan/atau pemprosesan (seperti yang ditakrifkan di bawah) Data Peribadi anda, (5) penzahiran Data Peribadi, dan (6) hak-hak anda di bawah Akta.

Walaupun hasrat kami adalah untuk menyediakan maklumat yang mencukupi berhubung polisi kami berkaitan Data Peribadi, PPDP ini mungkin tidak merangkumi semua situasi atau keadaan yang berkaitan dengan Data Peribadi secara menyeluruh. Sehubungan itu, pihak Tuan/Puan boleh menghubungi kami sekiranya memerlukan penjelasan yang lebih lanjut.

1. Definisi

- 1.1 “**Personel Yang Diberi Kuasa**” ertinya adalah konsultan, penasihat, pembekal, pembekal perkhidmatan, ejen, kontraktor bebas, pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data, pekerja dan/atau kakitangan Syarikat yang telah dan/atau bakal dilantik oleh Syarikat dari semasa ke semasa untuk menjalankan, memenuhi, melaksanakan dan melakukan mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam Perenggan 4 di sini, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya. Sebagai penjelasan, Personel Yang Diberi Kuasa adalah termasuk entiti-entiti yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana bidangkuasa lain.
- 1.2 “**Data Peribadi**” ertinya adalah apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.
- 1.3 “**Data Peribadi Sensitif**” ertinya adalah apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, data biometrik, pelakuan atau pengatahan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta).
- 1.4 Sebagai penjelasan, dengan anda memberi dan/atau menyediakan dokumen atau maklumat yang mengandungi Data Peribadi individu lain kepada Syarikat, anda bersetuju dan mengesahkan bahawa anda telah memaklumkan individu-individu lain tersebut tentang PPDP ini dan memperoleh persetujuan mereka terlebih dahulu untuk Syarikat mengumpul, memproses, menyimpan dan menggunakan Data Peribadi mereka mengikut PPDP ini, dan anda hendaklah menanggung rugi dan memastikan Syarikat terbebas sepenuhnya dari sebarang tuntutan atau

permintaan daripada individu-individu lain tersebut berhubung dengan pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan dan penggunaan Data Peribadi mereka oleh Syarikat.

2. Jenis dan Sumber Data Peribadi (termasuk data peribadi sensitif)

- 2.1 Syarikat akan dan mungkin mengumpul serta memperolehi Data Peribadi anda apabila anda memberi Data Peribadi anda kepada Syarikat dan/atau syarikat induk, syarikat pemegang, subsidiari, syarikat berkaitan dan/atau syarikat sekutu (secara kolektif dikenali sebagai "**Kumpulan**") dalam apa-apa cara atau bentuk termasuk yang berhubungan dengan apa-apa transaksi dan/atau pertanyaan yang dibuat dengan Kumpulan atau atas permintaan daripada Kumpulan.
- 2.2 Syarikat mungkin mengumpul Data Peribadi daripada sumber-sumber berikut:
- (a) Maklumat yang telah diberikan oleh anda kepada Syarikat dalam borang permohonan dan/atau borang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, alamat, alamat e-mel, nombor telefon, maklumat kenderaan dan maklumat lain yang diperlukan bagi membolehkan kami memproses permohonan anda atau sebarang transaksi yang mungkin anda jalankan dengan kami;
 - (b) Maklumat atau data yang diperoleh/diperolehi daripada sebarang dokumen atau maklumat yang diberikan oleh anda termasuk tetapi tidak terhad kepada sijil pemilikan kenderaan, perjanjian jual beli, perjanjian penyewaan dan/atau sebarang borang berkanun lain yang diberikan oleh anda berhubung dengan permohonan/transaksi anda dengan kami;
 - (c) Maklumat yang diperoleh daripada sebarang transaksi yang mungkin anda jalankan dengan kami;
 - (d) Maklumat yang diberikan oleh mana-mana agensi kerajaan, badan pengawal selia, pihak berkuasa berkanun atau mahkamah;
 - (e) Maklumat yang diperoleh daripada akses anda ke laman web Syarikat (contohnya alamat IP dan 'cookie');
 - (f) Rakaman yang dirakam daripada kamera litar tertutup yang dipasang di hartanah kami atau imej (termasuk gambar), rakaman video dan/atau audio yang diambil oleh kami di hartanah kami bagi tujuan memastikan keselamatan dan pencegahan jenayah;
 - (g) Maklumat daripada sumber yang tersedia untuk umum.
- 2.3 Syarikat juga akan Memproses Data Peribadi anda yang diperolehi atau disediakan oleh mana-mana pihak ketiga, pihak penguatkuasa dan perundangan untuk tujuan yang relevan pada masa itu, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekalan perkhidmatan Syarikat (*contohnya, melakukan semakan yang bersesuaian dan penilaian risiko untuk memudahkan pembekalan perkhidmatan dan/atau kemudahan yang telah atau bakal dibekalkan oleh Syarikat*), mematuhi syarat-syarat perjanjian dan/atau untuk mematuhi prosedur operasi standard, obligasi-obligasi undang-undang dan kawal sedia Syarikat.

3. Persetujuan anda dan Persetujuan Penjaga (seperti yang ditakrifkan berikutnya)

- 3.1 Persetujuan anda dan/atau perjanjian kepada Syarikat untuk Memproses Data Peribadi anda (termasuk data peribadi sensitif seperti tertakrif di dalam Akta) menurut PPDP ini (termasuk pemindahan Data Peribadi ke mana-mana bidangkuasa selain daripada Malaysia) diberi:

- (a) apabila menerima persetujuan nyata anda, sama ada secara bertulis atau lisan atau dengan apa-apa cara lain yang dibenarkan di bawah Akta;
 - (b) jika anda memberi Data Peribadi anda kepada Syarikat secara sukarela;
 - (c) jika anda tidak membantah Pemprosesan Data Peribadi anda.
- 3.2 Dengan memberi Data Peribadi kepada Syarikat dalam apa-apa cara dan/atau untuk apa-apa tujuan dan/atau anda terus menggunakan, menikmati atau menggunakan perkhidmatan dan/atau kemudahan yang dibekalkan dan/atau mungkin dibekalkan oleh Syarikat dan/atau anda meneruskan hubungan anda dengan Syarikat, dan sehingga anda memaklum Syarikat tentang hasrat anda untuk mengehadkan hak-hak Syarikat untuk Memproses Data Peribadi anda atau menarik balik persetujuan anda seperti yang dinyatakan di sini, ianya dianggap bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju kepada Syarikat Memproses dan/atau terus Memproses Data Peribadi anda.
- 3.3 Syarikat tidak mengumpul Data Peribadi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tanpa persetujuan daripada ibu bapa, penjaga, atau orang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa ke atas kanak-kanak tersebut (secara kolektif dirujuk sebagai "**Penjaga**"). Sekiranya Syarikat mendapati bahawa Data Peribadi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun telah dikumpul untuk apa-apa sebab dan/atau melalui mana-mana saluran tanpa persetujuan yang diperlukan dari mana-mana Penjaga direkodkan, Syarikat akan menghubungi Penjaga kanak-kanak tersebut dan/atau mengambil langkah-langkah yang Syarikat difikir sesuai untuk mendapatkan persetujuan yang diperlukan dan sekiranya gagal, untuk mengeluarkan Data Peribadi kanak-kanak tersebut dari rekod atau pangkalan data Syarikat dalam masa yang munasabah.

4. Tujuan Pemprosesan

- 4.1 Syarikat mungkin Memproses Data Peribadi anda untuk mana-mana satu atau lebih tujuan-tujuan yang disenaraikan seperti berikut (secara kolektif dikenali sebagai "**Tujuan-Tujuan**"), iaitu:-
- (a) Untuk Memproses permohonan/borang anda;
 - (b) Untuk memberikan sebarang maklumat yang berkaitan kepada anda yang anda minta dari semasa ke semasa;
 - (c) Untuk mengekalkan pendaftaran pengecualian caj jalan;
 - (d) Untuk mengekalkan pangkalan data perkhidmatan pelanggan dan untuk memberi mana-mana perkhidmatan pelanggan;
 - (e) Untuk tujuan penyelidikan termasuk penyimpanan rekod sejarah dan statistik;
 - (f) Untuk menyiasat aduan dan kesalahan;
 - (g) Untuk berkomunikasi dengan anda;
 - (h) Untuk membolehkan Syarikat memberi maklumbalas kepada soalan-soalan dan komen-komen anda;

- (i) Untuk tujuan pentadbiran;
- (j) Untuk memaklumkan apa-apa perubahan perkhidmatan kami yang mungkin mempengaruhi anda;
- (k) Tertakluk kepada Perenggan 7 di sini, bagi tujuan pemasaran langsung;
- (l) Bagi tujuan-tujuan lain yang difikirkan patut oleh Syarikat dan/atau tujuan-tujuan lain yang akan disenaraikan dalam dokumen-dokumen berkaitan atau relevan kepada anda;
- (m) Untuk menyasat sebarang insiden yang mungkin berlaku, mengendalikan tuntutan berkaitan dan melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan, termasuk polis sekiranya perlu;
- (n) Bagi tujuan pencegahan penipuan, pengesanan jenayah dan penyiasatan;
- (o) Untuk memenuhi keperluan undang-undang dan statutori;
- (p) Bagi tujuan Syarikat mematuhi dan menunaikan obligasi yang dikehendaki di bawah undang-undang, garis panduan, peraturan atau ketetapan yang berkuat kuasa di Malaysia dan/atau luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987;
- (q) Untuk tujuan lain yang mungkin diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang di dalam dan di luar Malaysia, termasuk undang-undang yang berkaitan dengan keterangan.

4.2 Pemberian Data Peribadi untuk tujuan-tujuan yang disenaraikan dalam Perenggan 4.1 (a) hingga (l) di atas adalah secara sukarela dan secara pilihan. Walau bagaimanapun, kegagalan memberi Data Peribadi yang diminta (sama ada sepenuhnya atau sebahagian) atau menarik balik persetujuan anda untuk kami menggunakan mana-mana Data Peribadi anda, bergantung kepada sifat permintaan atau keperluan anda boleh mengakibatkan Syarikat (a) tidak dapat memproses permohonan/borang berkenaan; (b) tidak dapat menyediakan seluruh atau sebahagian perkhidmatan seperti yang dinyatakan di atas atau mana-mana perkhidmatan baru lain yang disediakan oleh Syarikat kepada anda secara berterusan; dan/atau (c) tidak dapat menyediakan mana-mana perkhidmatan yang mungkin ditawarkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa; dan/atau (d) dikehendaki untuk menghentikan, membatalkan, menarik balik dan/atau menamatkan penyediaan perkhidmatan tanpa notis terlebih dahulu.

4.3 Pemberian Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang disenaraikan dalam Perenggan 4.1 (m), (n), (o), (p) dan (q) di atas adalah mandatori dan kegagalan atau keengganan anda untuk memberi Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan tersebut boleh menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang dan boleh mengakibatkan Syarikat (a) dengan serta-merta menghentikan hubungan perniagaan mereka dengan anda dan/atau (b) menamatkan peruntukan atau pembekalan perkhidmatan kepada anda tanpa notis terlebih dahulu.

5. **Penzahiran Data Peribadi**

5.1 Bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam ini dan untuk memudahkan penyediaan perkhidmatan kepada anda, Syarikat mungkin berkongsi dengan dan/atau memindahkan Data Peribadi kepada:-

- (a) entiti-entiti lain di dalam Kumpulan;
- (b) Personel Yang Diberi Kuasa;
- (c) mana-mana entiti atau orang lain yang tertakluk kepada kewajipan sulit kepada Syarikat dan yang telah berjanji untuk menjaga data tersebut sebagai data sulit;
- (d) mana-mana penerima serah hak sebenar atau yang dicadangkan, penerima hakmilik, calon, peserta atau sub-peserta kepada Syarikat yang mungkin diwujudkan menurut apa-apa transaksi, urus niaga, kontrak dan/atau perjanjian yang mungkin dimasukkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa (sama ada secara bertulis atau tidak);
- (e) pengawalselia dan pihak berkuasa kerajaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)).

5.2 Syarikat juga mungkin berkongsi Data Peribadi anda jika penzahiran adalah perlu untuk mematuhi undang-undang, proses undang-undang atau pertanyaan daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan/atau mahkamah.

6. Pemindahan, Pemprosesan dan/atau Penyimpanan Data Peribadi di Bidangkuasa Lain

6.1 Data Peribadi anda mungkin dipindahkan, disimpan, dan/atau Diproses dalam mana-mana bidangkuasa selain Malaysia oleh Syarikat dan/atau Personel Yang Diberi Kuasa untuk tujuan yang ditetapkan dalam Perenggan 4 di sini.

6.2 Tertakluk kepada Perenggan 4.2 dan Perenggan 4.3 di sini, anda boleh meminta untuk mengehendkan Pemprosesan Data Peribadi anda dalam bidang kuasa di luar Malaysia.

7. Hak untuk Mengehendkan Pemprosesan dan Hak untuk Menghalang Pemprosesan untuk Pemasaran Langsung

7.1 Tertakluk kepada Perenggan 4.2 dan Perenggan 4.3 di sini, sekiranya anda:

- (a) ingin mengubah dan/atau mengehendkan cara di mana Syarikat dibenarkan Memproses Data Peribadi anda seperti yang dinyatakan di sini; dan
- (b) menarik balik persetujuan anda untuk Syarikat Memproses Data Peribadi anda seperti yang dinyatakan di sini;
- (c) tidak ingin menerima apa-apa komunikasi pemasaran daripada Syarikat dan/atau Kumpulan; atau
- (d) ingin Syarikat dan/atau Kumpulan menghentikan pemprosesan Data Peribadi anda bagi tujuan pemasaran atau sebarang tujuan pemasaran langsung; atau

anda boleh mengemukakan permintaan anda secara bertulis kepada alamat atau alamat emel seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 11 di bawah.

8. Integriti, Akses, Pembetulan Data Peribadi dan kebolehpindahan data

- 8.1 Syarikat akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan Data Peribadi anda Diproseskan mengikut butiran yang telah atau mungkin diberikan, dikemas kini, diubahsuai dan/atau dibetulkan oleh anda dari semasa ke semasa.
- 8.2 Anda boleh memohon untuk mengakses, membetulkan Data Peribadi anda dan/atau memohon penghantaran Data Peribadi tersebut kepada organisasi lain dalam bentuk yang serasi dan sesuai dibaca oleh mesin dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Syarikat di alamat yang tercatat dalam Perenggan 11 di bawah.
- 8.3 Berkenaan hak anda untuk mengakses, membetulkan, mengemas kini Data Peribadi anda dan/atau memohon penghantaran Data Peribadi tersebut kepada organisasi lain, Syarikat mempunyai hak untuk:-
- (a) menolak permintaan anda untuk mengakses, membetulkan, mengemas kini Data Peribadi anda dan/atau permohonan untuk penghantaran Data Peribadi tersebut kepada organisasi lain mengikut cara dan setakat yang diperuntukan dalam Akta, seperti perbelanjaan untuk permintaan sedemikian tidak setimpal dengan risiko kepada privasi anda, atau hak pihak lain juga akan tergugat, antara sebab lain.
 - (b) menolak permintaan anda untuk mengakses, membetulkan, mengemas kini Data Peribadi anda dan/atau permohonan untuk penghantaran Data Peribadi tersebut kepada organisasi lain seperti yang dibenarkan di bawah Akta, termasuk di mana Data Peribadi anda diproses oleh Syarikat untuk melaksanakan fungsi pengawalseliaan dan menyediakan akses kepada anda dan/atau hak untuk membetulkan mengemas kini terhadap Data Peribadi anda dan/atau permohonan untuk penghantaran Data Peribadi tersebut kepada organisasi lain mungkin memprejudiskan pelaksanaan fungsi-fungsi tersebut oleh Syarikat;
 - (c) mengenakan fi yang dibenarkan di bawah Akta bagi memproses permintaan anda untuk mengakses Data Peribadi anda; dan
 - (d) walaupun akses diberikan kepada anda, sebarang pembetulan/pengemaskinian dan/atau penghantaran Data Peribadi tersebut kepada organisasi lain yang dilakukan terhadap Data Peribadi anda, PPDP ini hendaklah terus menjadi sah dan berkesan pada setiap masa.
- 8.4 Syarikat akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan Data Peribadi anda diproses mengikut prinsip kebolehpindahan data yang diperuntukkan di bawah Akta.

9. Keselamatan Data Peribadi

Kawalan-kawalan, cara-cara dan langkah-langkah diambil oleh Syarikat untuk melindungi Data Peribadi yang Diproseskan oleh Syarikat dan/atau Personel Yang Diberi Kuasa (termasuk pemindahan Data Peribadi keluar dari Malaysia) dimana kawalan-kawalan, cara-cara dan langkah-langkah tersebut tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa.

10. Penyimpanan Data Peribadi

Syarikat boleh menyimpan Data Peribadi anda selagi perlu untuk memenuhi Tujuan yang dinyatakan dalam Penyata ini. Syarikat juga boleh menyimpan Data Peribadi anda sekiranya Syarikat mempunyai tujuan undang-undang atau urusan perniagaan untuk berbuat demikian.

11. Pertanyaan dan Cara Hubung

Tertakluk kepada peruntukan Akta, anda boleh meminta untuk (1) mengehadikan Pemprosesan Data Peribadi anda; (2) menarik balik persetujuan anda untuk Memproses Data Peribadi anda; (3) mengakses, membetulkan mengemaskini Data Peribadi anda dan/atau permohonan untuk penghantaran Data Peribadi tersebut kepada organisasi lain atau (4) membuat sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan Pemprosesan Data Peribadi anda dengan menghubungi kakitangan berikut:-

Pengurus Besar Jabatan Operasi dan Caj Jalan
Lingkarancekap Sdn. Bhd.

Alamat: 8th Floor Wisma Genting, Jalan Sultan Ismail, 50250, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel. No.: +603-61052588

E-mail: enquiries@lingkarancekap.com

Dikemaskini dan berkuatkuasa pada **13 March 2026**

Syarat-Syarat Tambahan:

- (1) Syarikat berhak untuk meminda PPDP ini dari semasa ke semasa dan anda dianggap telah bersetuju terhadap pemindaan tersebut sekiranya anda masih mengekalkan perhubungan dengan Syarikat dan/atau anda terus menikmati perkhidmatan dan/atau kemudahan yang disediakan atau mungkin disediakan oleh Syarikat.
- (2) Sekiranya berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan lain untuk PPDP ini, maka versi Bahasa Inggeris akan dirujuk dan terpakai.